

BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

117 PERSPEKTIF KESELURUHAN

117 PERKEMBANGAN MONETARI

118 PRESTASI RINGGIT

119 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

122 PRESTASI PASARAN MODAL

126 PRESTASI FBM KLCI

Sisipan 4.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

130 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM

Sisipan 4.2 – Memperkukuh Pasaran Modal Islam
Malaysia melalui Maqasid Syariah

134 KESIMPULAN

135 RUJUKAN

BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Perspektif Keseluruhan

Pasaran kewangan berdaya tahan bagi menampun cabaran luaran

Pasaran kewangan Malaysia kekal teratur dan terus beroperasi dengan berkesan meskipun berdepan ketidaktentuan pasaran kewangan global susulan tekanan tarif berterusan, risiko geopolitik yang meningkat dan tempoh berpanjangan kadar faedah AS yang tinggi. Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan disokong oleh kedudukan modal institusi kewangan yang teguh dan pasaran modal yang beroperasi dengan lancar bagi menyokong aktiviti ekonomi. Dasar monetari yang menyokong dijangka akan merangsang pertumbuhan dengan menyediakan persekitaran kondusif untuk perniagaan dan isi rumah.


Perkembangan Monetari

Dasar moneteri yang menyokong bagi mengekalkan kestabilan pertumbuhan domestik

Dasar monetari pada 2025 kekal tertumpu untuk menyokong pertumbuhan ekonomi berikutan ketidaktentuan global berlatarkan keadaan kestabilan harga dalam negeri. Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00% sepanjang separuh pertama tahun ini. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) telah memutuskan untuk menurunkan OPR buat kali pertama sejak Mei 2023 dengan pengurangan sebanyak 25 mata asas (bps) daripada 3.00% kepada 2.75% pada Julai 2025. Pelarasan

OPR merupakan langkah awalan bertujuan mengekalkan landasan pertumbuhan domestik yang stabil dalam keadaan ketidakpastian luaran berdasarkan prospek inflasi yang sederhana. Selain itu, pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) daripada 2.00% kepada 1.00% pada Mei 2025 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan BNM untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik. Langkah ini akan memudahkan bank mengurus mudah tunai dengan lebih baik dalam persekitaran turun naik pasaran kewangan yang ketara dan menyediakan sokongan berterusan untuk aktiviti pengantaraan kewangan bagi mendepani persekitaran global yang mencabar.


RAJAH 4.1. *Paras Kadar Dasar Semalaman (%)*



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selari dengan pengurangan OPR, kadar faedah dalam sistem perbankan telah diselaraskan sewajarnya. Kadar Asas Standard (SBR) dan Kadar Asas (BR) oleh bank mencatatkan penurunan serta-merta dan secara langsung dengan bank komersial menyemak semula kadar dalam tempoh beberapa hari bagi mencerminkan perubahan ini. Kadar faedah bagi deposit tetap dengan tempoh matang 1- hingga 12-bulan menyederhana dalam julat 1.95% hingga 2.22%. Sementara itu, purata kadar deposit simpanan berkurang sebanyak 5 bps kepada 0.37% pada akhir Julai 2025.

RAJAH 4.2. Pelarasan Kadar Dasar Monetari Bank Pusat Terpilih, Januari 2022 – September 2025 (bps)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil. Melangkah ke hadapan, MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai risiko yang berkaitan dengan prospek pertumbuhan dan inflasi domestik.

Prestasi Ringgit

Ringgit kekal antara mata wang berprestasi terbaik Asia

Sejak awal tahun hingga akhir Ogos 2025, ringgit mengukuh kepada RM4.2253 dan merekodkan kenaikan sebanyak 5.8% berbanding dolar AS. Ringgit turut meningkat berbanding beberapa mata wang Asia seperti rupiah Indonesia (8.2%), peso Filipina (4.3%) dan renminbi China (3.4%) sekali gus mengekalkan kedudukan antara mata wang berprestasi terbaik di rantau ini. Pengukuhan ringgit didorong oleh kelemahan dolar AS secara meluas berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau yang lain berikutan ketidakpastian dasar perdagangan dan kebimbangan yang semakin meruncing terhadap kemampuan fiskal jangka masa panjang AS. Situasi ini telah menjejaskan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi AS.

RAJAH 4.3. Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

Faktor luaran terus mempengaruhi prestasi ringgit termasuk ketidakpastian berterusan berhubung perkembangan tarif AS yang memberikan tekanan kepada pasaran kewangan global. Selain itu, penurunan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS (Fed) sebanyak 25 bps kepada julat 4.00% hingga 4.25% pada September 2025 di samping jangkaan dua penurunan menjelang akhir 2025 mengukuhkan lagi nilai ringgit. Sebagai rakan dagang terbesar Malaysia, prestasi ekonomi China yang stabil berpotensi mempengaruhi kadar pertukaran ringgit menerusi sentimen positif pasaran. Pada peringkat domestik, sokongan berterusan terhadap ringgit akan didorong oleh daya tahan ekonomi melalui pelaksanaan pembaharuan struktur dan inisiatif bagi menggalakkan aliran masuk yang berterusan. Sehubungan itu, BNM kekal komited untuk memastikan pasaran pertukaran asing domestik berfungsi dengan teratur.

Prestasi Sektor Perbankan


Permodalan sektor perbankan berdaya tahan dalam mendepani kejutan luaran

Pada akhir Julai 2025, Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1), Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal kekal tinggi melepasi paras minimum pengawalseliaan¹ pada tahap 14.9%, 15.3% dan 18.4%. Sektor perbankan kekal berdaya tahan untuk menyerap kerugian tidak dijangka dan kejutan mudah tunai jangka masa pendek yang turut disokong oleh agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) yang kukuh pada paras 158.4%. Sektor ini juga mengekalkan pengurusan mudah tunai yang berhemat dalam mengimbangi antara pertumbuhan kredit dengan deposit menerusi nisbah pinjaman kepada deposit (LDR) kekal stabil pada 87.2%.

Kualiti aset sektor perbankan kekal kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas kasar kekal stabil pada 1.4% sehingga akhir Julai 2025. Nisbah yang rendah ini mencerminkan kapasiti pembayaran balik pinjaman yang mampan serta jumlah permohonan baharu yang kecil bagi program penstrukturan dan penjadualan semula dalam kalangan peminjam yang menghadapi kekangan kewangan. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman termasuk rizab pengawalseliaan yang berada pada paras 128.9% menunjukkan amalan peruntukan berhemat oleh bank bagi membiayai pinjaman terjejas.

Secara keseluruhan, penunjuk tersebut menggambarkan sektor perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan kestabilan sistem kewangan di samping menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

RAJAH 4.4. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2025

Sumber: Bank Negara Malaysia

¹ Paras minimum Basel III bagi Nisbah CET1 sekurang-kurangnya 4.5%, Nisbah Modal Kumpulan 1 (6%) dan Nisbah Jumlah Modal (8%) daripada aset berwujudan risiko (RWA) manakala paras minimum bagi LCR ialah 100%.

Keseluruhan aktiviti pinjaman dalam sektor perbankan kekal kukuh walaupun terdapat sentimen berwaspada dalam pasaran global sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2025. Sehingga akhir Julai 2025, jumlah pinjaman terkumpul dalam sektor perbankan meningkat sebanyak 5.4% kepada RM2,306.4 bilion disokong oleh pertumbuhan mampan bagi segmen isi rumah (5.8%) dan perniagaan (4.7%). Bagi tempoh Januari hingga Julai 2025 berbanding tempoh sama pada 2024, permohonan pinjaman meningkat kukuh sebanyak 5.3% dan kelulusan pinjaman sebanyak 4.3%. Namun begitu, berlaku penguncupan dalam pengeluaran pinjaman sebanyak 7.2% dan pembayaran balik pinjaman sebanyak 8.8%.

Segmen isi rumah terutamanya bagi pembelian harta tanah kediaman membentuk komponen terbesar daripada keseluruhan pembiayaan. Pada akhir Julai 2025, permohonan pinjaman meningkat secara marginal sebanyak 0.6% kepada RM491.6 bilion. Sementara itu, kelulusan pinjaman menyusut secara marginal sebanyak 0.6% kepada RM217 bilion manakala pengeluaran pinjaman turut merosot sebanyak 0.2% kepada RM293.9 bilion terutamanya bagi harta tanah kediaman dan kereta penumpang. Sebaliknya, aktiviti pembayaran balik pinjaman mencatat peningkatan marginal sebanyak 0.8% kepada RM287.8 bilion. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap pinjaman isi rumah akan disokong oleh pertumbuhan pekerjaan dan upah yang positif serta langkah dasar berkaitan pendapatan yang berterusan termasuk pelaksanaan penuh Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Permintaan bagi pinjaman perniagaan kekal stabil bagi tempoh tujuh bulan pertama 2025 khususnya bagi permohonan pinjaman yang mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.1% kepada RM370.8 bilion. Prestasi ini mencerminkan permintaan berterusan terhadap pinjaman baharu terutamanya didorong oleh pembiayaan berkaitan modal kumpulan kerja dan pelaburan. Kelulusan pinjaman meningkat sebanyak 5.9% kepada

RM212 bilion khususnya dalam sektor pembinaan; maklumat dan komunikasi; serta aktiviti kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan. Sementara itu, pengeluaran pinjaman merosot sebanyak 8.1% kepada RM856.9 bilion dan pembayaran balik pinjaman menyusut sebanyak 10.9% kepada RM824.5 bilion.

JADUAL 4.1. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹, Januari – Julai 2024 dan 2025

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2024	2025	2024	2025
Jumlah²				
Permohonan pinjaman	842.7	887.5	5.7	5.3
Kelulusan pinjaman	432.7	451.3	4.7	4.3
Pengeluaran pinjaman	1,386.0	1,285.8	-0.1	-7.2
Pembayaran balik pinjaman	1,363.6	1,243.4	-2.7	-8.8
Pinjaman terkumpul ^{2,3}	2,188.4	2,306.4	6.4	5.4
<i>antaranya:</i>				
Sektor Perniagaan				
Permohonan pinjaman	333.6	370.8	7.6	11.1
Kelulusan pinjaman	200.3	212.0	7.8	5.9
Pengeluaran pinjaman	932.5	856.9	0.1	-8.1
Pembayaran balik pinjaman	925.8	824.5	-2.3	-10.9
Pinjaman terkumpul ³	741.9	776.9	6.0	4.7
<i>antaranya:</i>				
PKS				
Permohonan pinjaman	190.8	205.8	5.6	7.9
Kelulusan pinjaman	102.4	99.2	7.9	-3.1
Pengeluaran pinjaman	325.2	321.2	11.7	-1.2
Pembayaran balik pinjaman	315.3	301.9	10.3	-4.3
Pinjaman terkumpul ³	379.4	410.4	9.4	8.2
Sektor Isi Rumah				
Permohonan pinjaman	488.7	491.6	4.9	0.6
Kelulusan pinjaman	218.2	217.0	4.1	-0.6
Pengeluaran pinjaman	294.4	293.9	10.5	-0.2
Pembayaran balik pinjaman	285.6	287.8	7.4	0.8
Pinjaman terkumpul ³	1,305.3	1,381.5	6.5	5.8

¹ Pinjaman bagi semua segmen termasuk data daripada sistem perbankan

² Merujuk kepada jumlah pinjaman terkumpul bagi perniagaan, isi rumah, kerajaan, institusi kewangan dan entiti lain

³ Pada akhir tempoh

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 4.2. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2024 dan 2025

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025
Sektor Perniagaan	741.9	776.7	33.9	33.7
Bukan PKS	360.5	364.5	16.5	15.8
PKS	379.4	410.4	17.3	17.8
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	32.9	29.9	4.4	3.9
Perlombongan dan kuari	9.1	8.8	1.2	1.1
Pembuatan	133.7	137.3	18.0	17.7
Pembinaan	91.2	95.3	12.3	12.3
Bekalan elektrik, gas dan air	18.7	23.2	2.5	3.0
Perdagangan borong dan runcit	160.9	165.1	21.7	21.3
Hotel dan restoran	20.9	22.2	2.8	2.9
Pengangkutan dan penyimpanan	31.3	33.2	4.2	4.3
Maklumat dan komunikasi	22.2	26.2	3.0	3.4
Aktiviti kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	190.1	207.6	25.6	26.7
Sektor Isi Rumah	1,305.3	1,381.5	59.6	59.9
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	812.8	865.4	62.3	62.6
Pembelian harta tanah bukan kediaman	82.8	86.1	6.3	6.2
Pembelian kereta penumpang	192.8	206.6	14.8	15.0
Kad kredit	43.5	47.4	3.3	3.4
Kegunaan persendirian	115.6	119.4	8.9	8.6
Pembelian sekuriti	57.5	56.3	4.4	4.1
Lain-lain	0.3	0.3	0.0	0.0
Sektor lain	141.2	147.8	6.5	6.4
Jumlah¹	2,188.4	2,306.0	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada jumlah pinjaman terkumpul kepada perniagaan, isi rumah, kerajaan, institusi kewangan dan entiti lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pengeluaran pinjaman yang perlahan adalah ketara bagi sektor seperti pertanian primer; perlombongan dan kuari; serta pengangkutan dan penyimpanan. Namun begitu, aktiviti pembayaran balik pinjaman bagi sektor hartanah kekal stabil berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pembiayaan kepada PKS kekal stabil merangkumi 52.8% daripada jumlah pembiayaan perniagaan. Sehingga akhir Julai 2025, jumlah pembiayaan terkumpul PKS berkembang sebanyak 8.2% kepada RM410.4 bilion didorong oleh permintaan lebih tinggi bagi pinjaman modal kerja. Sektor perbankan kekal menyokong keperluan pembiayaan ekonomi dengan langkah berterusan seperti jaminan kredit dan kemudahan pembiayaan yang terus tersedia bagi menyediakan sokongan pembiayaan bersasar kepada PKS.

Sehingga Jun 2025, hutang isi rumah di Malaysia berjumlah RM1,666.4 bilion dengan nisbah hutang kepada KDNK pada kadar 84.8% sejajar dengan paras prapandemik. Pertumbuhan hutang sebanyak 5.9% disokong oleh piawaian pengunderaitan yang berhemat sejajar dengan penambahbaikan dalam pasaran buruh. Pinjaman kekal tertumpu kepada pembiayaan harta tanah kediaman dan kereta yang merangkumi sekitar 75% daripada jumlah hutang isi rumah manakala pembiayaan peribadi dan kad kredit pula menyumbang 15.2%. Namun begitu, keupayaan pembayaran balik isi rumah kekal kukuh dengan median nisbah khidmat hutang (DSR) berada pada 33% bagi pinjaman terkumpul dan 41% bagi pinjaman yang baru diluluskan sekali gus menyediakan penampakan yang mencukupi untuk peminjam isi rumah membayar balik pinjaman. Pinjaman terjejas terus berada pada paras rendah iaitu 1.1% disokong oleh program penstrukturan semula pinjaman serta bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kerajaan telah memperkukuh langkah bagi meminimumkan risiko kredit termasuk yang berpunca daripada bank digital dan skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL). Penyedia perkhidmatan kewangan diwajibkan mematuhi piawaian ketat berhubung kemampuan dan kesesuaian pinjaman di samping garis panduan dasar yang melarang pinjaman bersifat menindas serta menetapkan had DSR berhemat bagi memastikan keupayaan pembayaran balik tidak melebihi kemampuan. Selain itu, skim BNPL akan dikawal selia di bawah Akta Kredit Pengguna sebaik sahaja Akta ini berkuat kuasa manakala penyedia skim BNPL bukan bank akan tertakluk kepada pematuan dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Kredit Pengguna setelah suruhanjaya ini ditubuhkan. Langkah tersebut yang dilengkapi dengan inisiatif literasi kewangan menegaskan komitmen Kerajaan untuk memastikan hutang isi rumah kekal mampan di samping memelihara kestabilan kewangan dan menyokong daya tahan ekonomi.

Hutang isi rumah dijangka kekal terkawal didorong oleh pengembangan ekonomi yang stabil. Pinjaman harta tanah kediaman dijangka terus menjadi pemacu utama disokong oleh pembentukan isi rumah dan inisiatif perumahan kerajaan manakala pembiayaan kenderaan pula dijangka kembali normal berikutan permintaan tinggi yang dipacu oleh insentif sebelum ini. Pada masa yang sama, peningkatan pendapatan isi rumah dijangka terus menyokong keupayaan pembayaran balik serta mengekalkan tahap hutang terkawal dan DSR dalam julat berhemat.

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti pemerolehan dana terus berkembang maju

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal domestik kekal kukuh yang menunjukkan peranan penting dalam menyokong pembangunan ekonomi negara serta pengembangan sektor swasta. Pasaran kekal berdaya tahan apabila syarikat giat memanfaatkan pasaran ekuiti dan bon untuk membiayai pertumbuhan perniagaan, projek infrastruktur serta pelaburan strategik meskipun berdepan ketidaktentuan global. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2025, pemerolehan dana sektor swasta meningkat sebanyak 8.2% kepada RM75.9 bilion dengan jumlah dana kasar yang diperolehi daripada pasaran ekuiti melonjak sebanyak 29% kepada RM4.3 bilion. Sebaliknya, pemerolehan dana sektor awam menyusut sebanyak 7.7% kepada RM102.4 bilion sekali gus mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan fiskal. Secara keseluruhan, jumlah dana kasar yang dikumpul dalam pasaran modal merekodkan pengurangan sebanyak 1.5% kepada RM178.4 bilion.

Bon korporat terus berfungsi sebagai saluran pembiayaan yang lebih fleksibel berbanding pinjaman bank tradisional sekali gus menyokong keperluan pengembangan perniagaan dan pelaburan. Instrumen tersebut turut membantu mempelbagaikan sumber pembiayaan, mengurangkan kos modal serta mengagihkan risiko kepada pangkalan pelabur yang lebih luas. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2025, terbitan bon korporat meningkat sebanyak 7.2% kepada RM71.7 bilion dengan nota jangka pertengahan merangkumi 96.7% daripada jumlah terbitan. Aktiviti pembiayaan diterajui oleh sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang menyumbang secara kolektif sebanyak 77.3% daripada terbitan baharu. Hasil terbitan terutamanya disalurkan untuk modal kerja, usaha niaga baharu, pembiayaan semula serta keperluan korporat lain.

JADUAL 4.3. *Pemerolehan Dana dalam Pasaran Modal, Januari – Julai 2024 dan 2025*

	RM JUTA	
	2024	2025
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	55,174.5	47,599.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	55,765.9	54,830.7
Terbitan baharu sekuriti hutang	110,940.4	102,430.3
Tolak: Penebusan	50,520.0	19,720.0
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	60,420.4	82,710.3
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran Awam Permulaan	3,316.3	4,279.2
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/waran	3,316.3	4,279.2
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	2,579.9	402.0
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	2,666.8	1,956.3
Nota jangka pertengahan	61,599.3	69,297.7
Terbitan baharu sekuriti hutang	66,846.0	71,655.9
Tolak: Penebusan	51,960.2	44,244.7
Terbitan bersih sekuriti hutang	14,885.8	27,411.2
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	18,202.1	31,690.4
Jumlah pemerolehan dana bersih	78,622.5	114,400.7

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

² Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 4.4. *Terbitan Baharu Bon Korporat mengikut Sektor, Januari – Julai 2024 dan 2025*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025
Pertanian, perhutanan dan perikanan	0.0	72.9	0.0	0.1
Pembuatan	1,163.9	738.7	1.7	1.0
Pembinaan	3,208.0	7,566.0	4.8	10.6
Elektrik, gas dan air	5,875.0	4,480.0	8.8	6.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,931.0	1,036.0	2.9	1.4
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	51,169.9	55,416.2	76.5	77.3
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	2,500.0	1,944.6	3.7	2.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	998.1	401.5	1.5	0.6
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Jumlah	66,846.0	71,655.9	100.0	100.0

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin
Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti kekal rancak disokong oleh projek strategik baharu dan sedia ada yang dipacu oleh inisiatif Kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) di samping pelaburan swasta dalam pusat data dan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Pemerolehan dana melalui IPO turut digerakkan oleh inisiatif peluasan perniagaan dengan RM4.3 bilion berjaya dikumpul menerusi 38 penyenaaran baharu di Bursa Malaysia bagi tempoh tujuh bulan pertama 2025 merentas pelbagai sektor. Prestasi kukuh ini turut disokong oleh program jangkauan Bursa Malaysia serta penambahbaikan peraturan yang diperkenalkan. Komitmen untuk mempercepat kelulusan IPO dalam tempoh tiga bulan telah

berjaya menarik syarikat berkualiti ke dalam pasaran. Namun begitu, risiko luaran termasuk ketidakpastian tarif AS dan ketegangan geopolitik berpotensi memberikan kesan terhadap pasaran IPO.


Aktiviti pemerolehan dana sektor awam telah menyusut dalam tempoh yang sama dengan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berkurang sebanyak 13.7% kepada RM47.6 bilion manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) mencatat penurunan sebanyak 1.7% kepada RM54.8 bilion. Penurunan ini mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal dengan terbitan diselaraskan untuk memenuhi strategi pembiayaan yang dirancang. Pengurusan hutang berhemah dijangka meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan menggalakkan kestabilan pasaran.

Secara keseluruhan, kestabilan dan daya tarikan pasaran hutang Malaysia terus disokong oleh penglibatan pelabur institusi yang kukuh serta kecairan pasaran sekunder yang mencukupi. Penurunan kadar faedah oleh Fed berpotensi menggalakkan permintaan terhadap MGS dengan jurang kadar faedah yang semakin mengecil mengukuhkan keyakinan terhadap struktur dan kecairan sekuriti kerajaan. Pada masa yang sama, langkah konsolidasi fiskal dijangka akan mengurangkan terbitan bersih MGS dan MGII. Walau bagaimanapun, penawaran bon korporat dijangka meningkat berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah seterusnya menggalakkan syarikat untuk memanfaatkan pasaran bon sebagai sumber pembiayaan.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2025, pasaran MGS mencatatkan keuntungan daripada penurunan kadar hasil menyeluruh merentas semua tempoh matang. Trend ini didorong oleh permintaan asing yang berterusan apabila pelabur mencari pulangan stabil di pasaran hutang Asia dalam keadaan

ketidaktentuan global. Jangkaan pertumbuhan global yang perlahan, pemotongan kadar faedah oleh Fed serta kelemahan dolar AS turut meningkatkan minat terhadap aset berpendapatan tetap sekali gus menambah tarikan untuk mengunci pulangan kadar hasil yang menarik. Pelabur juga berpeluang meraih keuntungan modal apabila harga bon meningkat dalam persekitaran penurunan kadar hasil.

RAJAH 4.5. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (Akhir tempoh)




¹ Akhir Julai 2025
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran bon Malaysia terus mendapat manfaat daripada peralihan aliran modal global berikutan kebimbangan terhadap kemampuan fiskal AS dan ketidaktentuan dasar perdagangan. Keadaan ini mendorong pelabur beralih ke pasaran baru muncul yang mempunyai kestabilan makroekonomi dan menawarkan pulangan hasil yang menarik. Kadar hasil bon menunjukkan trend penurunan pada Julai 2025 sejajar dengan penurunan OPR dan pengukuhan ringgit sekali gus

meningkatkan lagi daya tarikan Malaysia. Penurunan nilai dolar AS turut menyumbang kepada peningkatan mata wang tempatan. Pendirian dasar monetari BNM yang proaktif juga memperkukuh keyakinan terhadap daya tahan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang stabil.


Bagi segmen bon korporat, kadar hasil bon 5 tahun bertaraf AAA, AA, A dan BBB berkurang sebanyak 31, 31, 39 dan 37 bps sepanjang tempoh tersebut. Perubahan tersebut selaras dengan aliran penurunan kadar hasil bon kerajaan didorong oleh peningkatan kecairan dan permintaan pelabur yang lebih kukuh merentas semua segmen kredit. Penurunan kadar hasil secara menyeluruh ini menunjukkan tingkah laku pencarian kadar hasil yang disokong oleh jangkaan inflasi yang mereda serta permintaan berterusan terhadap aset gred pelaburan.

RAJAH 4.6. *Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul (Akhir tempoh)*



¹ Akhir Julai 2025
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 4.7. *Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)*



¹ Akhir Julai 2025
Sumber: Bank Negara Malaysia


Bagi tempoh Ogos – Disember 2025, pasaran bon Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dipacu oleh permintaan asing yang berterusan dan dasar monetari yang menyokong. Kadar faedah global yang semakin rendah dan jangkaan dolar AS yang terus lemah boleh meningkatkan permintaan terhadap bon berdaulat dan korporat Malaysia. Pada masa yang sama, asas makroekonomi yang teguh, kecairan pasaran yang tinggi dan kestabilan ringgit terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan sekali gus menyediakan persekitaran kondusif bagi mengekalkan prestasi positif pasaran bon.

Prestasi FBM KLCI

FBM KLCI kekal teguh meskipun berdepan ketidakpastian pasaran global

Bagi tempoh lapan bulan pertama 2025, FBM KLCI mengharungi persekitaran global yang mencabar dipengaruhi oleh tarif AS, ketegangan geopolitik dan pelarasan dasar monetari serantau. Indeks ini mula berada di bawah tekanan pada awal April 2025 berikutan pengenaan tarif meluas AS yang menyebabkan bursa tempatan ditutup rendah pada paras 1,400.59 mata pada 9 April. Walau bagaimanapun, pasaran tempatan meningkat semula dengan ketara didorong oleh perbelanjaan domestik yang berdaya tahan, minat belian semula pelabur asing, keyakinan terhadap penangguhan sementara dalam perang perdagangan dan manfaat daripada langkah rangsangan China yang melonjakkan indeks kepada 1,582.39 mata pada 13 Mei.

RAJAH 4.8. Prestasi Bursa Malaysia




¹ Akhir Ogos 2025

² Akhir tempoh

Sumber: Bursa Malaysia

RAJAH 4.9. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

Pengumuman Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) dan Penghargaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 One-off serta jangkaan siri pengurangan kadar faedah Fed telah membantu meningkatkan sentimen pasaran. Pada 25 Ogos, FBM KLCI meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh masa lima bulan kepada 1,602.45 mata sebelum menyusut kepada 1,575.12 mata pada akhir Ogos 2025. Permodalan pasaran mencecah RM1,950.30 bilion dengan purata volum harian sebanyak 530.9 bilion unit dan nilai dagangan RM429.5 bilion telah mencerminkan proses konsolidasi yang baik. Keadaan perdagangan kekal teratur dengan purata halaju pasaran melebihi 30% dan turun naik pasaran terkawal sekitar 11% manakala pegangan pelabur asing kekal stabil sekitar 19% daripada permodalan pasaran. Keadaan ini memberikan isyarat keyakinan pelabur yang berterusan terhadap pasaran ekuiti tempatan.

JADUAL 4.5. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir Ogos 2024 dan 2025

	2024	2025
Indeks		
FBM KLCI	1,678.80	1,575.12
FBM EMAS	12,484.26	11,702.89
FBM 100	12,187.62	11,474.57
FBM SCAP	17,457.02	15,739.94
FBM ACE	5,116.09	4,722.02
Jumlah urus niaga¹		
Bilangan (juta unit)	788,250.91	530,875.72
Nilai (RM juta)	588,434.11	429,542.89
Purata urus niaga harian¹		
Bilangan (juta unit)	4,835.90	3,277.01
Nilai (RM juta)	3,610.03	2,651.50
Permodalan pasaran (RM bilion)	2,035.63	1,950.31
Bilangan syarikat disenaraikan		
Pasaran Utama	783	787
Pasaran ACE	189	229
Pasaran LEAP	49	47
Kecairan pasaran		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	28.9	22.0
Penumpuan pasaran		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	32.8	32.0


¹ Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos
Sumber: Bursa Malaysia

Pada 2026, pasaran ekuiti Malaysia berada pada kedudukan kukuh untuk meraih manfaat daripada reformasi struktur berterusan, perbelanjaan pengguna yang mantap, landskap politik yang stabil serta pengukuhan berterusan ringgit sekali gus menyokong sentimen pelabur. Pelan Induk Pasaran Modal 4 (CMP4) menggariskan visi strategik bagi tempoh 20 tahun dengan pelan tindakan praktikal lima tahun bermula 2026 – 2030. Berteraskan pendekatan berasaskan keberhasilan, CMP4 berbeza daripada pelan terdahulu dengan menetapkan sasaran jelas bagi visi jangka masa panjang serta memberi penekanan kepada kerjasama luaran melalui pendekatan seluruh negara bagi memastikan kemajuan berterusan. Pelan ini menggariskan inisiatif transformasi yang bertujuan merangka dan menyelaras semula pasaran modal Malaysia agar terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, daya tahan dan keterangkuman. Inisiatif ini akan memanfaatkan arus perubahan global yang sedang mengubah landskap ekonomi, perniagaan dan masyarakat. Selaras dengan keutamaan kelestarian nasional, CMP4 akan memudah cara mobilisasi modal bagi menyokong peralihan yang adil, mitigasi, adaptasi dan daya tahan iklim sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan lestari terkemuka di rantau ini.


SISIPAN 4.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif utama dalam tempoh lapan bulan pertama 2025 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut adalah seperti berikut:



¹Syarikat peringkat pertengahan (MTC) ditakrifkan sebagai syarikat dengan pendapatan tahunan antara RM50 juta hingga RM500 juta dalam sektor pembuatan serta antara RM20 juta hingga RM500 juta dalam sektor perkhidmatan dan sektor lain.



Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Pertumbuhan industri kewangan Islam diunjur stabil

Industri perbankan Islam dan konvensional di Malaysia terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada akhir Julai 2025, jumlah aset perbankan Islam berkembang sebanyak 9.1% tahun-ke-tahun kepada RM1,583.3 bilion atau 38.7% daripada jumlah keseluruhan aset² perbankan. Permintaan bagi pembiayaan Islam mewakili 47.5% daripada bahagian pasaran keseluruhan pinjaman dan pembiayaan dalam sektor perbankan dengan peningkatan sebanyak 8% kepada RM997.7 bilion mengatasi perbankan konvensional. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh pembiayaan sektor isi rumah yang mencakupi 63.5% daripada jumlah pembiayaan Islam. Sektor ini meningkat sebanyak 8.6% kepada RM633.7 bilion khususnya bagi tujuan pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang.

Usaha berterusan Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju global dalam kewangan Islam terus mendapat pengiktirafan antarabangsa dan diperkukuh semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025. Malaysia telah mengekalkan kedudukan teratas dalam Indeks Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) 2024 untuk tahun ke-12 berturut-turut sekali gus mencerminkan hala tuju berwawasan selama beberapa dekad, penyelarasan strategik dan komitmen Kerajaan yang tidak berbelah bahagi. Inisiatif strategik di bawah pimpinan Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) terus memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan agenda kewangan Islam termasuk Forum Kewangan Islam Global. Sementara itu, program i-TEKAD yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa berasaskan

pendekatan kewangan campuran terus membantu usahawan mikro berpendapatan rendah dalam mengembangkan perniagaan dan meningkatkan kestabilan kewangan seterusnya mencerminkan komitmen Malaysia terhadap kewangan sosial.

JADUAL 4.6. Perbankan Islam: Penunjuk Utama, Akhir Julai 2024 dan 2025

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2024	2025	2024	2025
Aset	1,161.1	1,270.0	7.4	9.4
Pembiayaan	924.1	997.7	9.5	8.0
Pertanian primer	20.4	18.4	-3.0	-9.5
Perlombongan dan kuari	3.0	3.4	-5.3	12.3
Pembuatan ¹	37.5	39.1	10.8	3.6
Bekalan elektrik, gas dan air	6.8	9.3	-31.7	36.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	62.4	67.0	15.8	7.4
Pembinaan	47.8	37.6	7.2	-21.7
Hartanah	38.7	40.8	15.4	5.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	25.3	29.1	-8.1	15.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	51.9	74.1	37.2	43.0
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	8.5	8.2	3.3	-4.2
Isi rumah	583.7	633.7	9.6	8.6
Lain-lain	38.1	37.1	0.9	-2.5
Liabiliti	1,073.9	1,175.0	7.3	9.4
Deposit dan Akaun Pelaburan	840.0	908.1	6.1	8.0
Pelaburan	0.2	0.2	-28.7	-8.6
Tabungan	77.0	79.6	7.5	3.4
Permintaan	149.3	173.5	12.5	16.2
Lain-lain	613.4	654.8	4.5	6.6
Akaun Pelaburan	157.5	182.4	10.2	15.9

¹ Tidak termasuk DFI

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

² Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

Pasaran Modal Islam (ICM) Malaysia terus mengukuhkan kedudukan sebagai satu daripada tonggak utama landskap kewangan negara dengan nilai mencecah RM2,634 bilion atau 64% daripada jumlah keseluruhan saiz pasaran modal. Berdasarkan asas yang kukuh, ICM berada pada kedudukan baik untuk mengekalkan momentum pertumbuhan. Pasaran sukuk menawarkan kepelbagaian melalui instrumen kewangan berstruktur selaras dengan prinsip Syariah sekali gus memberi pelabur pilihan pelaburan yang mematuhi kehendak Syariah.

Malaysia kekal sebagai satu daripada pasaran sukuk terbesar dunia dengan 33.9% bahagian daripada jumlah sukuk global. Sehingga akhir Julai 2025, sukuk menyumbang RM1,402 bilion atau 63.6% daripada jumlah keseluruhan bon dan sukuk negara. Terbitan sukuk korporat tempatan meningkat 21% berbanding tempoh sama pada 2024 dengan momentum penerbitan dijangka terus mengukuh pada separuh kedua 2025. Keadaan monetari yang kondusif serta jangkaan pemotongan kadar faedah oleh Fed dan bank pusat utama lain turut menyokong prospek ini. Faktor tersebut termasuk rangka kerja kawal selia pasaran yang menyeluruh serta inovasi produk berterusan mengukuhkan lagi daya tarikan pasaran sukuk kepada pelabur domestik dan antarabangsa.

SISIPAN 4.2

Memperkukuh Pasaran Modal Islam Malaysia melalui Maqasid Syariah

Dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Respons yang praktikal dan boleh diukur mengikut keperluan semasa


Pasaran Modal Islam (ICM) Malaysia telah berkembang melangkaui peranan tradisional sebagai pengantara kewangan dan menjadi pemacu kepada daya tahan, keterangkuman dan pengurusan beretika di samping mempromosikan sistem kewangan yang lebih mampan dan saksama serta memastikan integriti pasaran yang kukuh. Kerajaan Malaysia melalui Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sedang menerajui perkembangan ini melalui penerapan rangka kerja *Maqasid Syariah* sebagai asas utama pembangunan ICM. Langkah ini memperkuat kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam yang mampan dan inklusif sekali gus memastikan ICM bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi malah turut memenuhi kepentingan masyarakat secara menyeluruh.

Sebagai satu daripada tonggak utama sistem kewangan, ICM merangkumi lebih daripada 60% atau RM2.6 trilion daripada jumlah keseluruhan pasaran modal Malaysia (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2025). Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai peneraju global bagi penerbitan sukuk dan pengurusan dana Islam serta mengekalkan kedudukan teratas dalam Global Islamic Finance Development Indicator selama 12 tahun berturut-turut (LSEG & ICD, 2024). Pencapaian tersebut menyediakan asas yang kukuh untuk fasa transformasi ICM seterusnya.

Pelancaran Panduan Maqasid Al-Syariah untuk ICM (Panduan Maqasid) pada November 2023 menandakan pencapaian penting dalam usaha ini. Rangka kerja tersebut memberikan penekanan kepada objektif utama Syariah termasuk keadilan, kesejahteraan sosial, kemampanan dan tatalaku beretika sebagai prinsip panduan dalam amalan kewangan. Bagi memperluas pemahaman

serta menggalakkan penerimaan, SC telah melaksanakan libat urus secara aktif bersama pihak berkepentingan pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Walaupun penerimaan prinsip ini bersifat sukarela, namun sambutan daripada pemain industri amat menggalakkan dan mencerminkan peningkatan komitmen terhadap kewangan berasaskan nilai.

RAJAH 4.2.1. Rangkuman Panduan Maqasid Al-Syariah Pasaran Modal Islam Malaysia



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Penerapan Prinsip Maqasid dalam Pasaran Modal Islam

Panduan Maqasid menterjemahkan objektif utama Syariah dalam ICM melalui tiga dimensi:

- Lima keperluan asas:** Memastikan produk dan amalan kewangan melindungi kesejahteraan manusia dan masyarakat secara menyeluruh.
- Aspirasi:** Menerapkan nilai yang dapat memperkukuh kepercayaan, keadilan, inovasi dan keterangkuman merentas operasi pasaran.
- Prinsip pelaksanaan:** Membimbing pematuhan melalui integriti kontrak, piawaian penzhahiran yang telus serta inisiatif yang menggalakkan kewangan sosial, inovasi dan pengagihan kekayaan yang saksama.

Secara keseluruhan, dimensi tersebut membentuk rangka kerja yang holistik bagi memastikan aktiviti kewangan memberikan nilai yang signifikan kepada masyarakat di samping mengekalkan ketulenan prinsip Syariah.

RAJAH 4.2.2. Keutamaan Strategik bagi 2026 dan 2027

Fasa pembangunan ICM seterusnya akan dipacu oleh tiga keutamaan strategik:

01 Memacu Kecemerlangan Beretika melalui Kolaborasi



Penubuhan Pasukan Petugas Maqasid al-Syariah (MaTF) pada Mei 2025 menzahirkan komitmen Malaysia terhadap tindakan secara kolektif. Platform ini menyediakan kepimpinan bersepadu bagi memastikan pelaksanaan Panduan Maqasid yang konsisten, beribawa dan bersifat masa hadapan dengan penglibatan pengawal selia, pihak berkepentingan industri, ahli akademik dan peserta pasaran.

02 Menyelaras Pendekatan Pengawalseliaan



Walaupun penerimaan prinsip *Maqasid Syariah* dalam penstrukturan sukuk semakin menggalakkan, namun perbezaan tafsiran prinsip *Maqasid Syariah* masih menjadi cabaran. Bagi menangani isu ini, SC sedang membangunkan rangka kerja berstruktur dan berasaskan peraturan bagi produk ICM bermula dengan sukuk dan akan diperluas secara berperingkat kepada kelas aset lain bagi meningkatkan kejelasan dan akauntabiliti. Nota panduan akan diterbitkan untuk menyeragamkan penzahiran maklumat, memperkukuh kawal selia dan memperteguh reputasi Malaysia pada peringkat global sebagai pusat kewangan Islam yang beribawa dan berinovasi.

03 Memastikan Ketulenan melalui Pematuhan Syariah secara Menyeluruh




Tadbir urus Syariah pada masa ini lebih tertumpu kepada pematuhan pada peringkat praterbitan sementara pematuhan pascaterbitan masih belum menyeluruh. Sebagai usaha untuk meningkatkan integriti, SC akan memperkenalkan langkah untuk memperkukuh tadbir urus di sepanjang kitaran hayat produk dari awal hingga matang bagi memastikan pematuhan secara holistik, melindungi keyakinan pelabur dan memelihara ketulenan tawaran ICM.

Kesimpulan

Pengintegrasian *Maqasid Syariah* dalam ICM bukan sekadar penambahbaikan peraturan bahkan satu anjakan paradigma yang mengangkat kewangan Islam sebagai agenda berasaskan nilai untuk memajukan ummah, memelihara alam sekitar serta memacu pertumbuhan yang inklusif dan saksama. Melangkah ke hadapan, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan *Maqasid Syariah* sebagai identiti teras ICM sekali gus memperkukuh daya tahan dan meneguhkan peranan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam yang mampan dan inklusif. Justeru, pengukuhan pasaran ICM yang berdaya saing global dan berteraskan nilai sejagat dapat meneruskan peranan ICM sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di samping memenuhi kemaslahatan masyarakat. Penerapan prinsip *Maqasid Syariah* dalam ICM turut memperkukuh lagi komitmen Malaysia demi memastikan kesejahteraan masyarakat dan aspirasi jangka masa panjang negara selaras dengan nilai MADANI.

Dalam pasaran ekuiti, sebanyak 80.8% atau 860 daripada 1,065 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia merupakan syarikat patuh Syariah. Jumlah ini mencerminkan peranan utama Bursa Malaysia dalam memajukan ICM. Sehingga akhir Julai 2025, permodalan pasaran syarikat patuh Syariah bernilai RM1,232 bilion iaitu 64.4% daripada jumlah permodalan pasaran keseluruhan sekuriti tersenarai. Sektor barangan industri dan perkhidmatan, barangan pengguna dan perkhidmatan serta teknologi mendominasi segmen ini.

Pasaran ICM terus menerajui pembiayaan kewangan Islam mampan pada peringkat global melalui penerbitan Sukuk Berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) selaras dengan piawaian domestik dan serantau. Terbitan sukuk tersebut telah membiayai projek pendidikan berkualiti, perumahan mampu milik, bangunan hijau dan tenaga bersih yang diiktiraf di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI serta ASEAN Green, Social and Sustainability Bond Standards. Terbitan sukuk SRI juga telah diperluas melangkaui sektor hijau utama merangkumi sektor kesihatan dan pengangkutan sekali gus mencerminkan pendekatan lebih menyeluruh terhadap pembangunan mampan.

RAJAH 4.10. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Melangkah ke hadapan, ICM Malaysia dijangka terus berkembang dengan peranan kepimpinan global yang kukuh disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam pengawalseliaan dan tumpuan jelas terhadap kewangan mampan. Berpanduan aspirasi *Maqasid Syariah*, Malaysia berhasrat untuk memperkukuh tadbir urus serta menggalakkan pembangunan produk kewangan yang berasaskan tanggungjawab sosial. Secara keseluruhan, usaha tersebut akan terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju hab global dalam kewangan Islam di samping menegaskan komitmen terhadap pelaburan yang mampan, beretika dan terangkum.

Kesimpulan

Prospek pasaran kewangan Malaysia kekal positif disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh, dasar monetari yang menyokong dan pembaharuan struktur yang berterusan demi menjamin kemampanan pertumbuhan ekonomi. Penyertaan aktif dalam pasaran modal domestik di samping pengukuhan ringgit mencerminkan keyakinan pelabur yang semakin meningkat. Pada masa yang sama, kemajuan pesat dalam perbankan dan pasaran modal Islam berasaskan Syariah menegaskan komitmen Malaysia terhadap kewangan beretika dan berasaskan nilai. Inisiatif tersebut selaras dengan pelan pembangunan nasional dapat memastikan kemajuan ekonomi sejajar dengan kesejahteraan sosial dan aspirasi jangka masa panjang kerangka Ekonomi MADANI.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2023). *Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026*. <https://www.bnm.gov.my/publications/fsb3>
- Bank Negara Malaysia. (2025a). *Buletin Suku Tahunan Suku Kedua 2025*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/19010089/qb25q2_bm_book.pdf
- Bank Negara Malaysia. (2025b). *Laporan Tahunan BNM 2024*. <https://www.bnm.gov.my/publications/ar2024>
- Bank Negara Malaysia. (2025c). *Sorotan dan Statistik Bulanan Julai 2025*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-statistik-bulanan-untuk-julai-2025>
- Bank Negara Malaysia. (2025d). *Tinjauan Ekonomi & Monetari 2024*. <https://www.bnm.gov.my/publications/emr2024>
- Bursa Malaysia. (2025a, Januari 13). *Bursa Malaysia announces new renewable energy subsector classification* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6784ddb3e6414a52201ee618/files/13012025_MEDIA_RELEASEBURSA_MALAYSIA_ANNOUNCES_NEW_RENEWABLE_ENERGY_SUBSECTOR_CLASSIFICATION.pdf?1736760843
- Bursa Malaysia. (2025b, Mac 21). *Bursa Malaysia derivatives to relaunch Single Stock Futures* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/67e39f79cd34aae5fb403fff/files/21032025_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_DERIVATIVES_TO_RELAUNCH_SSF.pdf?1742971496
- Bursa Malaysia. (2025c, Mac 25). *Bursa Malaysia Designates Centralised Sustainability Intelligence Platform for sustainability and climate reporting* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/67e253e3cd34aa9fd92b181/files/25_MARCH_2025_BURSA_MALAYSIA_DESIGNATES_CENTRALISED_SUSTAINABILITY_INTELLIGENCE_PLATFORM_FOR_SUSTAINABILITY_AND_CLIMATE_REPORTING.pdf?1742887242
- Bursa Malaysia. (2025d, April 30). *Bursa Malaysia launches Bursa Research Incentive Scheme Plus (Bursa RISE+)* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/681195c4e6414a0360df6789/files/30042025_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_LAUNCHES_BURSA_RISE_.pdf?1745983003
- Bursa Malaysia. (2025e, Mei 22). *Bursa Malaysia unveils Shares2U to boost retail investor access and participation in the capital market* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36f8d31544574c6/content_entry5c11a9db758682eefdee6414a726f77121b/files/22052025_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_UNVEILS_SHARES2U_TO_BOOST_RETAIL_INVESTOR_ACCESS_AND_PARTICIPATION_IN_THE_CAPITAL_MARKET_v.pdf?1747907025
- Bursa Malaysia. (2025f, Jun 20). *Bursa Malaysia establishes industry working group to strengthen cyber resilience across the stockbroking sector* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6854d1dec34aa6c64011c7e/files/20_JUNE_2025_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_ESTABLISHES_INDUSTRY_WORKING_GROUP_vf.pdf?1750389316

- Bursa Malaysia. (2025g, Ogos 8). *Simpler, faster, greener: Bursa Malaysia fully transitions to electronic Central Depository System (CDS) account statements and notices effective 25 August 2025* [Siaran akhbar]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/68957748e6414aad530eae1/files/MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_FULLY_TRANSITIONS_TO_ELECTRONIC_CDS_ACCOUNT_STATEMENTS_AND_NOTICES_EFFECTIVE_25_AUGUST_2025_vf.pdf?1754627266
- LSEG & ICD. (2024). *ICD–LSEG Islamic Finance Development Report 2024: From niche to norm*. LSEG. https://www.lseg.com/content/dam/data-analytics/en_us/documents/reports/lseg-islamic-finance-development-report-2024.pdf
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025). *Laporan Tahunan 2024*. <https://www.sc.com.my/bm/api/documentms/download.ashx?id=463c3baf-747a-4692-abfd-0060e7b99c93>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025a, Januari 17). *Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan: Pusat penyelesaian pertikaian untuk pengguna dan pelabur kewangan* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/perkhidmatan-ombudsman-pasaran-kewangan-pusat-penyelesaian-pertikaian-untuk-pengguna-dan-pelabur-kewangan>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025b, Januari 17). *SC umum lima NGO dalam Program Perintis Bursa Sosial* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-umum-lima-ngo-dalam-program-perintis-bursa-sosial>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025c, Januari 27). *SC lancar SARANA bagi meluaskan pilihan pembiayaan untuk PMKS dan kontraktor kecil* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-lancar-sarana-bagi-meluaskan-pilihan-pembiayaan-untuk-pmks-dan-kontraktor-kecil>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025d, Februari 17). *SC memperkenalkan Sandbox Pengawalseliaan (Regulatory Sandbox) untuk memudahkan inovasi* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-memperkenalkan-sandbox-pengawalseliaan-regulatory-sandbox-untuk-memudahkan-inovasi>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025e, Februari 25). *RM131-million fund launched to support SMEs and mid-tier companies in strategic NIMP sectors* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-introduces-regulatory-sandbox-to-facilitate-innovation>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025f, Mac 27). *SC keluar garis panduan disemak semula mengenai pengiklanan produk dan perkhidmatan pasaran modal* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-keluar-garis-panduan-disemak-semba-mengenai-pengiklanan-produk-dan-perkhidmatan-pasaran-modal>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025g, April 11). *ACMF releases simplified guidance for ASEAN SMEs in supply chains (Version 1)* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/acmf-releases-simplified-guidance-for-asean-smes-in-supply-chains-version-1>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025h, Mei 14). *SC signs IOSCO's Enhanced Multilateral MOU for greater cross-border assistance on enforcement matters* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-signs-ioscos-enhanced-multilateral-mou-for-greater-cross-border-assistance-on-enforcement-matters>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025i, Mei 26). *SC umum dua inisiatif untuk memacu penerimaan Panduan Maqasid Al-Syariah ICM* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-umum-dua-inisiatif-untuk-memacu-penerimaan-panduan-maqasid-al-syariah-icm>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025j, Jun 18). *Pernyataan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai pelaksanaan Makmal Inovasi Kewangan Iklim* [Siaran akhbar]. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/pernyataan-bersama-oleh-bank-negara-malaysia-dan-suruhanjaya-sekuriti-malaysia-mengenai-pelaksanaan-makmal-inovasi-kewangan-iklim>